

*Sebuah antologi dedikasiku
buat Azizon, kekasihku isteriku
ibu pembina tiga putera puteriku;
kau dan aku
sejak dulu dalam syahdu manja bertemu
sejak dulu dalam sendu menanti rindu.
Redha.*

*Dedikasiku buat putera puteriku
Arafat, Azmatun
Afzal, Aliatun
Azmun, Arifatun;
Ingatlah abah dan umi kalian
puluhan tahun bukti bersatu
jiwa dan raga kekal begitu
akan baru berkasih bagaimana terasa seminggu
kemuncaknya restu dan doa ibu.
Sayang.*

KAU — dan — AKU

*Di antara kita
Pernahkah siapa bertanya
Siapa kita
Dari mana
Ke mana?*

*Di antara kita
Pernahkah siapa bertanya
Siapa sebenarnya kita
bahawa kita dan alam buana
Di mana tempatnya
Untuk siapa ia
Untuk siapa kita?*

Kandungan

| | |
|---|----|
| <i>Kau dan Aku: Suara Religius Penyair Melayu</i> | ix |
| Wajahmu | 1 |
| Pengembalian | 2 |
| Jiwaku Hidup Kembali | 4 |
| Jiwarasa | 6 |
| Kematian | 7 |
| Puok Kito | 9 |
| Kau dan Aku | 10 |
| Hatiku | 11 |
| Seorang Teman | 13 |
| Drama Hidup | 14 |
| Satu Perhitungan | 15 |
| Daerah Baru | 17 |
| Dalam Dua Kalimah | 18 |
| Jampi Bangsaku | 20 |
| Sepohon Kemboja | 22 |
| Perjalanan Beta | 23 |
| Kehilangan | 25 |
| Dua Kalimah | 26 |
| Kiranya Aku Pelukis | 28 |
| Anakku | 30 |
| Cerita Kahwin | 31 |
| Tasbih Seorang Tua | 32 |
| Siapa Kita | 35 |
| Menunggu Pertemuan | 36 |
| Lancang Kita | 37 |
| Pak Kor Angguk | 39 |

| | | |
|--------------------------|----|----|
| Pergimu | 40 | |
| Ada | 43 | |
| Dialog Kafir | 44 | |
| Aku Bisa Hanya Memohon | | 46 |
| Chusok | 47 | |
| Xanadu | 48 | |
| E Tae Won | 49 | |
| Berserah | 50 | |
| Pidato | 51 | |
| Aku dan Kelekatu | | 52 |
| Doa | 53 | |
| Dosa | 55 | |
| Adam | 56 | |
| Ya Allah | 57 | |
| Tuhanku | 58 | |
| Kamu Suka Saya Punya | | 59 |
| Kota Dakar | 60 | |
| Daouda Seck | 61 | |
| Poskad | 62 | |
| Pohon Pusaka | 63 | |
| Lukisan Warna Alam | | 64 |
| Istanbul | 65 | |
| Kenapa Aku Harus Pergi | | 66 |
| Keris Pusaka | 67 | |
| Teratai | 68 | |
| Akan Lambang Hati | | 72 |
| Wajah Lima Kota | | 73 |
| Seorang Lelaki | | 75 |
| Pak Tua | | 77 |
| Muhibah Kuala Baram | | 78 |
| Suara Tanjung Bako | | 79 |
| Dikir Kuasa | 80 | |
| Peladang Beijing | 82 | |
| Pak Sako | 83 | |
| Catatan November 1991 | | 84 |
| Suara Hati Anak Peneroka | | 87 |

Kau dan Aku: Suara Religius Penyair Melayu

I

A. Aziz Deraman lebih dikenali sebagai budayawan dan banyak menumpukan perhatian kepada masalah budaya dan pengurusan budaya. Dia banyak memikir dan melibatkan dirinya sebagai strategis budaya, pemikir yang tidak jenuh-jenuh meletakkan dasar kepada pembentukan budaya Malaysia di mana budaya pribumi sebagai asas yang nyata. Kalau kita lihat kurikulum biadatanya yang panjang dalam sudut iltizamnya dengan kebudayaan dan kesenian pada paras kebangsaan dan antarabangsa sudah cukup 'mempesonakan'. Nampaknya tokoh ini tidak punya waktu senggang, dia begitu aktif menangani tanggungjawabnya. Namun demikian, A. Aziz Deraman masih mampu muncul sebagai seorang penulis puisi, walaupun kalau kita melihat senarai penerbitannya adalah mengkhusus kepada hubungan kebudayaan dengan kehidupan, pembangunan, masalah perencanaan dan perancangan kebudayaan, bagaimana menguruskan hal-hal kebudayaan, perwayangan kulit sebagai satu aspek kesenian Melayu dan himpunan tulisan (esei) tentang kebudayaan dan tamadun Melayu. Tapi ini bukanlah bermakna bahawa beliau tidak mengikuti atau tidak boleh berbicara tentang kesusasteraan. Lebih-lebih lagi Aziz Deraman memang sedia diakui sebagai penyair yang mempunyai jalur penulisan yang khusus dengan sajak-sajaknya yang bernafas kemelayuan dan keislaman. Saya pernah memberikan perhatian yang rapi terhadap nafas ketuhanan Aziz dalam beberapa puisinya